



# CUKAI


## MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Cukai merupakan tanggungjawab yang tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan kita, pentadbiran negara dan ekonomi. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil cukai digunakan oleh kerajaan untuk mentadbir, mengurus serta menampung perbelanjaan membangunkan negara.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebagai agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk mengutip cukai langsung, saban tahun mengadakan pelbagai kempen dan peringatn kepada pembayar cukai supaya menunaikan tanggungjawab mereka untuk menghantar Borang Nyata sama ada secara manual atau secara dalam talian melalui e-Filing dan membayar cukai yang sepatutnya.

Jutaan ringgit juga dibelanjakan oleh LHDNM untuk pengiklanan, kempen, wawancara di stesen televisyen dan radio untuk memberikan kesedaran dan peringatn kepada rakyat perihal kepentingan cukai terhadap pembangunan negara. Namun demikian, masih banyak orang yang masih belum memahami dan culas menunaikan tanggungjawab mereka untuk membayar cukai mereka. Pembangunan sebuah negara di seluruh dunia, termasuklah Malaysia sebahagian besarnya dibiayai oleh hasil cukai.

Di Malaysia, terdapat dua jenis cukai, iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dikendalikan oleh agensi yang berlainan selain daripada cukai



## FAKTA

- ▶ Cukai langsung dipungut oleh LHDNM.
- ▶ LHDNM memastikan cukai langsung dipungut dengan lebih efektif bagi menampung perbelanjaan kerajaan, iaitu perbelanjaan mengurus dan pembangunan.
- ▶ Cukai langsung diperoleh daripada cukai pendapatan syarikat (CITA), pendapatan individu, cukai pendapatan petroleum (PITA).

yang dikendalikan oleh Majlis Perbandaran Tempatan seperti cukai tanah, cukai pintu dan lain-lain. LHDNM berperanan mengutip cukai langsung, manakala Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pula bertanggungjawab mengutip cukai tidak langsung. Kedua-dua agensi ini bertungkus-lumus memastikan hasil kerajaan dapat dikutip dengan lebih efektif bagi menampung perbelanjaan kerajaan, iaitu perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

Cukai langsung merupakan penyumbang tertinggi, iaitu lebih daripada 40 peratus jumlah keseluruhan hasil kerajaan. Hasil cukai langsung ini terdiri daripada kutipan hasil kerajaan yang tertinggi daripada cukai pendapatan syarikat (CITA), cukai pendapatan individu dan cukai pendapatan petroleum (PITA). Jika individu patuh membayar cukai, negara mampu mengelak dan terselamat daripada menjadi mufliis akibat bebanan hutang dengan bank dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) atau kerajaan negara lain.

Setiap kerajaan bertanggungjawab menyediakan persekitaran dan prasarana yang terbaik untuk kesejahteraan rakyatnya. Hal ini direalisasikan dengan menyediakan segala bentuk kemudahan awam dan infrastruktur seperti jalan raya yang menghubungkan kampung, pekan dan bandar di sekitarnya.

Kegiatan aktiviti perdagangan boleh berjalan dengan lancar antara kawasan tersebut apabila terdapat pelbagai kemudahan infrastruktur yang baik antaranya seperti kemudahan elektrik, air, pengangkutan awam, sekolah, hospital dan klinik, pasar, masjid, balai polis, taman dan kawalan trafik seperti lampu isyarat. Cuba bayangkan, di manakah kita akan berada sekarang jika kerajaan mengabaikan tanggungjawab ini?


Malaysia (PERMAI) semata-mata untuk memastikan nasib rakyat terbelas dan aktiviti ekonomi terus berkembang.

Selain itu, Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) pula disalurkan kepada golongan B40 dan M40 yang amat terkesan terutama semasa pandemik. Begitu juga Program Jaringan PRIHATIN yang bertujuan mengurangkan beban kewangan golongan B40 untuk mendapatkan kemudahan Internet.

Kadar cukai individu di Malaysia pula masih rendah, iaitu pada 30 peratus berbanding dengan negara lain di dunia. Dalam negara Asean, hanya Singapura yang mempunyai kadar cukai individu yang lebih rendah berbanding dengan Malaysia, iaitu 22 peratus. Kemudian Vietnam, Filipina dan Thailand pula berada pada kadar 35 peratus.

Semua kadar cukai negara maju melebihi 40 peratus seperti United Kingdom 45 peratus, Sweden 52.85 peratus, Luxembourg 45.78 peratus dan Netherlands 49 peratus. Kadar cukai yang tinggi ini adalah bertujuan bagi memastikan kerajaan masing-masing dapat menampung kos pembangunan dan menjamin nasib rakyat terbelas di samping memastikan rakyat dapat menjalani kehidupan yang selesa dan memiliki taraf kehidupan yang lebih tinggi seperti mendapat kemudahan pendidikan, perubatan percuma yang berkualiti dan lain-lain lagi.

## Jumlah Peruntukan Belanjawan Malaysia



**Jumlah 40% yang diperuntukkan dalam belanjawan negara ditampung dengan cukai langsung yang dikutip oleh LHDNM.**

Sebahagian besarnya, kemudahan ini dibiayai oleh hasil cukai. Secara ringkasnya, cukai ialah kunci pada pentadbiran negara yang berkesan dan kita tidak akan dapat lari daripadanya.

Setiap tahun mulai tahun 2014 hingga tahun 2021, belanjawan negara terus meningkat dan 40 peratus daripada belanjawan tersebut ditampung dengan cukai langsung yang dikutip oleh LHDNM. Maka itu, kutipan hasil cukai seharusnya turut bertambah. Bayangkan berapa banyak hasil cukai yang perlu dipungut?

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan LHDNM berganding bahu mencari sumber baharu cukai bagi menampung keperluan tersebut. Jika individu gagal dan mengelak daripada membayar cukai, maka sukar bagi kerajaan untuk menyediakan kemudahan dan pembangunan yang diperlukan rakyat. Dalam keadaan pandemik COVID-19 yang masih belum reda sepenuhnya, kerajaan perlu menampung lebih perbelanjaan untuk membantu rakyat yang terkesan melalui program Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Geran Khas Prihatin (GKP), dan pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat

## Perbandingan Kadar Cukai Negara Eropah (Negara Maju)

| Eropah         | 2011  | 2012  | 2013  | 2014  | 2015 | 2016 | 2017  | 2018  | 2019  | 2020  | 2021  |
|----------------|-------|-------|-------|-------|------|------|-------|-------|-------|-------|-------|
| Perancis       | 41    | 45    | 45    | 45    | 22.5 | 22.5 | 49    | 49    | 45    | 45    | 45    |
| Switzerland    | 40    | 40    | 40    | 40    | 40   | 40   | 40    | 40    | 40    | 40    | 40    |
| Sweden         | 56.55 | 56.6  | 57    | 57    | 57   | 57.1 | 57.12 | 57.34 | 57.19 | 32.28 | 52.85 |
| Norway         | 47.8  | 47.8  | 47.8  | 47.8  | 47.2 | 46.9 | 46.72 | 46.6  | 38.2  | 38.2  | 38.2  |
| United Kingdom | 50    | 50    | 45    | 45    | 45   | 45   | 45    | 45    | 45    | 45    | 45    |
| Netherlands    | 52    | 52    | 52    | 52    | 52   | 52   | 52    | 51.95 | 51.75 | 49.5  | 49.5  |
| Luxembourg     | 42    | 41.34 | 41.34 | 41.34 | 43.6 | 44   | 48.78 | 45.78 | 45.78 | 45.78 | 45.78 |
| Ireland        | 48    | 48    | 48    | 48    | 48   | 48   | 48    | 48    | 48    | 48    | 48    |
| Jerman         | 45    | 45    | 45    | 45    | 45   | 45   | 45    | 45    | 45    | 45    | 45    |
| Austria        | 50    | 50    | 50    | 50    | 50   | 55   | 55    | 55    | 55    | 55    | 55    |

Sumber: <https://home.kpmg/xx/en/home/services/tax/tax-tools-and-resources/tax-rates-online/individual-income-tax-rates-table.html>

Di Malaysia, setiap individu layak mendaftar fail cukai jika memperoleh pendapatan bersih tahunan (selepas potongan KWSP) melebihi RM34 000. Walau bagaimanapun, jumlah ini masih belum pasti dikenakan cukai sepenuhnya kerana individu itu boleh menuntut 22 jenis potongan cukai yang layak antaranya seperti pelepasan diri, isteri, anak dan lain-lain. Cukai akan dikenakan sekiranya baki pendapatan selepas ditolak kesemua pelepasan yang layak adalah melebihi RM34 000.

Hasil cukai tidak boleh membiayai belanjawan kerajaan sepenuhnya, terutama jika rakyat gagal membayar cukai yang sepatutnya. Oleh hal yang demikian, kerajaan terpaksa meminjam sejumlah wang untuk membiayai defisit belanjawan. Pada tahun 2021, jumlah pinjaman menjangkau 26.5 peratus (RM85 bilion) daripada sumber kewangan kerajaan. Jika individu patuh membayar cukai, kita dapat mengelakkan negara menjadi muflis akibat bebanan hutang daripada bank dunia, IMF atau kerajaan negara lain.

Pembayar cukai individu khususnya perlu ada sifat bertanggungjawab dan mengutamakan konsep menyumbang dalam diri masing-masing, iaitu apa-apa yang diberi akan mendapat manfaat dan dinikmati semula pada masa hadapan, bukan semata-mata demi memenuhi tuntutan undang-undang pemercukaian. Di samping itu, manfaat membayar cukai juga dapat menanam sifat kesedaran dan bekerjasama dengan kerajaan dalam diri individu untuk membangunkan negara demi kesejahteraan kehidupan secara bersama-sama dan berkekalan. 📍

**KE MANA WANG CUKAI DIBELANJAKAN?**

- SEKOLAH, KOLEJ / UNIVERSITI
- INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM
- KESIHATAN
- GOLONGAN YANG MEMERLUKAN
- PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN
- KESELAMATAN DAN PERTAHANAN NEGARA
- PEMBANGUNAN